



**UNIVERSITI
MALAYA**

**GARIS PANDUAN
PROGRAM KOMUNITI UNIVERSITI MALAYA BAGI KOLEJ KEDIAMAN
(TIER 3)**

**UM-IKom
INISIATIF KOMUNITI KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI MALAYA**

Edisi pertama 2025

oleh Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares), Universiti
Malaya 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang dan penerbit, kecuali dalam hal petikan ringkas terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta. Untuk permintaan kebenaran, tulis kepada:

Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)
Aras 6, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (KPPI),
Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
umcares@um.edu.my

KANDUNGAN

1. LATAR BELAKANG	2
2. PENGENALAN	2
3. OBJEKTIF	3
4. KRITERIA DAN HASIL PROJEK PROJEK KOMUNITI	3
5. SKOP AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN	4
6. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN	5
7. SKOP PERUNTUKAN	5
8. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KOLEJ KEDIAMAN	6
9. LAMPIRAN	7

1. LATAR BELAKANG

Universiti Malaya (UM) sebagai institusi pengajian tinggi terkemuka di Malaysia sentiasa berusaha untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai kesedaran sosial yang tinggi. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, aktiviti kemasyarakatan telah dikenalpasti sebagai salah satu cara yang efektif untuk membentuk sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar.

Kolej kediaman di UM memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar, bukan sahaja sebagai tempat tinggal tetapi juga sebagai pusat aktiviti pelajar. Melalui kolej kediaman, pelbagai program dan aktiviti dapat dianjurkan untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Namun, untuk memastikan aktiviti-aktiviti ini dijalankan dengan teratur dan mencapai objektif yang diinginkan, satu garis panduan khas diperlukan.

Garis panduan ini diwujudkan untuk menyediakan panduan yang jelas dan sistematik bagi pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan oleh pelajar melalui kolej kediaman. Ia bertujuan untuk memastikan setiap aktiviti yang dijalankan adalah selaras dengan objektif universiti, memberi manfaat kepada komuniti, dan meningkatkan keterlihatan UM dalam program komuniti. Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan pelajar akan lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, sekaligus memperkukuhkan hubungan antara universiti dan komuniti setempat.

2. PENGENALAN

Aktiviti kemasyarakatan merupakan komponen penting dalam pembentukan sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar Universiti Malaya (UM). Melalui penglibatan dalam aktiviti ini, pelajar dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti, mengembangkan kemahiran kepimpinan, komunikasi, dan kerja berpasukan, serta meningkatkan kesedaran sosial.

Garis panduan ini diwujudkan untuk menyediakan rangka kerja yang jelas dan teratur bagi pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan oleh pelajar melalui kolej kediaman. Objektif utama garis panduan ini adalah untuk meningkatkan semangat kesukarelawanan di kalangan pelajar, mendekatkan para pelajar dengan komuniti setempat, dan meningkatkan keterlihatan Universiti Malaya dalam program komuniti.

Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan pelajar Universiti Malaya akan lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan yang bermanfaat, sekaligus memperkukuhkan hubungan antara universiti dan komuniti. Garis panduan ini juga bertujuan untuk memastikan setiap aktiviti yang dijalankan adalah terancang, selamat, dan memberi impak positif kepada semua pihak yang terlibat.

3. OBJEKTIF

3.1. Meningkatkan Semangat Kesukarelawanan:

- 3.1.1. Menggalakkan pelajar untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan yang memberi manfaat kepada komuniti.
- 3.1.2. Menyediakan peluang untuk pelajar mengembangkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan.

3.2. Mendekatkan Pelajar dengan Komuniti:

- 3.2.1. Memupuk rasa tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar.
- 3.2.2. Melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab kepada komuniti setempat.

3.3. Meningkatkan Keterlihatan Universiti Malaya:

- 3.3.1. Memperkenalkan Universiti Malaya sebagai institusi yang aktif dalam program komuniti.
- 3.3.2. Meningkatkan keterlihatan universiti melalui sumbangan positif kepada masyarakat.

4. PRINSIP PROGRAM

4.1. Inklusiviti:

- 4.1.1. Semua pelajar digalakkan untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan tanpa mengira latar belakang, agama, bangsa, atau jantina.
- 4.1.2. Aktiviti yang dianjurkan haruslah mesra inklusif, memastikan setiap pelajar merasa diterima dan dihargai.

4.2. Kelestarian:

- 4.2.1. Projek dan aktiviti dirancang untuk memberikan impak positif kepada komuniti.
- 4.2.2. Menggalakkan pelajar untuk merancang aktiviti yang boleh diteruskan oleh komuniti selepas tamatnya projek.

4.3. Kreativiti:

- 4.3.1. Aktiviti digalakkan untuk menggunakan pendekatan inovatif dan menarik untuk menarik minat komuniti.
- 4.3.2. Menggalakkan pelajar untuk berfikir di luar kotak dan mencipta penyelesaian yang kreatif untuk masalah komuniti.
- 4.3.3. Memberi ruang kepada pelajar untuk mencuba idea-idea baru dan belajar daripada pengalaman mereka.

5. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROJEK OLEH KOLEJ KEDIAMAN BERSAMA UMCARES

Bagi memastikan impak yang positif dan lestari kepada komuniti, setiap kolej kediaman dikehendaki mengemukakan sekurang-kurangnya **satu (1) projek** kepada pihak UMCares mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

5.1. Penglibatan pelajar:

- 5.1.1. Pelajar perlu memainkan peranan yang aktif dalam semua fasa pelaksanaan projek yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan penilaian.
- 5.1.2. Penglibatan pelajar daripada pelbagai latar belakang digalakkan bagi menjamin kepelbagaian, keterangkuman dan pembinaan semangat perpaduan.
- 5.1.3. Melibatkan sebanyak mungkin pelajar dalam projek yang ingin dijalankan.

5.2. Komuniti penerima manfaat dan lokasi projek:

- 5.2.1. Setiap projek harus berasaskan keperluan sebenar komuniti yang dikenal pasti melalui kajian lapangan atau pemerhatian awal.
- 5.2.2. Lokasi pelaksanaan projek akan ditetapkan oleh pihak UMCares mengikut negeri atau parlimen.
- 5.2.3. Setiap kolej kediaman akan diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan satu projek di **zon** yang telah ditetapkan.
 - Zon Tengah - Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan
 - Zon Timur - Kelantan, Terengganu dan Pahang
 - Zon Selatan - Johor
 - Zon Utara - Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak

5.3. Elemen Pemindahan Ilmu dan Kemahiran:

- 5.3.1. Setiap projek hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya:
 - Satu (1) sesi pemindahan ilmu, teknologi atau kemahiran, sama ada dari pelajar kepada komuniti atau sebaliknya. atau;
 - Satu (1) aktiviti khidmat masyarakat yang dijalankan bersama komuniti setempat.
- 5.3.2. Fasilitator yang berpengalaman perlu dilibatkan bagi memastikan sesi pemindahan ilmu berjalan dengan berkesan.

5.4. Kerjasama Strategik:

- 5.4.1. Projek amat digalakkan untuk melibatkan kerjasama dengan Alumni Kolej Kediaman, NGO, agensi kerajaan atau sektor swasta.
- 5.4.2. Setiap kerjasama perlu dibuktikan melalui dokumen sokongan sama ada dalam bentuk sumbangan kewangan atau bukan kewangan.

5.5. Keterlihatan projek:

- 5.5.1. Projek perlu dipromosikan secara aktif melalui:
 - Media tradisional (radio, televisyen, surat khabar) mengikut tatacara Universiti Malaya.
 - Platform digital rasmi kolej kediaman, serta berkolaborasi dengan UMCares untuk hebahan lebih meluas.
- 5.5.2. Satu majlis perasmian atau penutup hendaklah dianjurkan dengan penglibatan

pihak pengurusan Universiti Malaya dan rakan strategik, serta dimaklumkan lebih awal kepada UMCares.

5.6. Dokumentasi dan tempoh pelaksanaan:

5.6.1. Setiap projek perlu disertakan dokumentasi lengkap yang merangkumi:

- Video, gambar aktiviti, dan laporan projek menyeluruh.
- Borang sokongan dan pengesahan penglibatan daripada komuniti setempat.

5.6.2. Semua projek wajib dilaksanakan dalam tahun semasa, dan tempoh pelaksanaan adalah fleksibel serta ditentukan oleh pihak pengurusan kolej kediaman masing-masing.

6. SKOP AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

6.1. Kesihatan dan Kesejahteraan

6.2. Pendidikan berkualiti

6.3. Kelestarian Alam Sekitar

6.4. Kewangan & Ekonomi

7. PROSEDUR PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN

7.1. Permohonan Aktiviti

7.1.1. Warga kolej perlu mengemukakan cadangan projek kepada Jawatan Kuasa Induk Kolej Kediaman untuk pertimbangan awal.

7.1.2. Sekiranya warga kolej bertaraf akademik (seperti pensyarah, penyelidik atau felo akademik) mengemukakan cadangan projek, pihak UMCares akan mempertimbangkan untuk mengangkat projek tersebut sebagai Program Komuniti (Tier 2) di bawah inisiatif CAKnA dan perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Malaysia Research Assement.

7.1.3. Ini bagi mengiktiraf sumbangan akademik dalam pembangunan komuniti serta memperluas impak projek melalui pendekatan berasaskan penyelidikan dan kepakaran.

7.1.4. Setiap cadangan hendaklah mengandungi maklumat berikut:

- Objektif projek
- Sasaran komuniti
- Pelan pelaksanaan
- Anggaran kos

7.1.5. Pemohon wajib mengisi Borang Permohonan mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak UMCares.

7.1.6. Cadangan lengkap hendaklah dihantar melalui emel ke umcares@um.edu.my.

7.1.7. Semua cadangan akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh UMCares. Pihak kolej kediaman mungkin akan dipanggil untuk membentangkan cadangan kepada panel penilai sekiranya perlu.

7.2. Pelaksanaan Aktiviti

7.2.1. Aktiviti perlu dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan,

dengan pemantauan dan pengawasan oleh pihak pengurusan kolej kediaman.

7.2.2. Sepanjang pelaksanaan, semua aktiviti perlu didokumentasikan secara lengkap, termasuk rakaman gambar dan video.

7.3. Pelaporan

7.3.1. Laporan akhir projek mesti disediakan dan dihantar kepada UMCares dalam tempoh 30 hari selepas aktiviti selesai.

7.3.2. Laporan perlu mengandungi:

- Ringkasan pelaksanaan aktiviti
- Hasil atau pencapaian projek
- Impak terhadap komuniti dan pembangunan sahsiah pelajar

8. SKOP PERUNTUKAN

8.1. Untuk menyokong pelaksanaan projek komuniti yang dirancang, dana akan disalurkan kepada setiap kolej kediaman melalui peruntukan Dana OCAR.

8.2. Pecahan perbelanjaan mengikut zon

ZON	JUMLAH MAKSIMUM PERMOHONAN & KELULUSAN
Zon Tengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka , Putrajaya dan Selangor	Maksimum RM 7000
Zon Timur Kelantan, Terengganu dan Pahang	Maksimum RM 15000
Zon Utara Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak	Maksimum RM 15000
Zon Selatan Johor	Maksimum RM 15000

8.3. Tatacara Kewangan

8.3.1. Semua perbelanjaan mestilah dilakukan mengikut tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Bendahari Universiti Malaya.

8.3.2. Sebarang tuntutan atau perbelanjaan yang tidak mematuhi tatacara ini tidak akan dipertimbangkan untuk pembayaran.

9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KOLEJ KEDIAMAN

9.1. Pelajar Kolej Kediaman

9.1.1. Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti dengan komitmen penuh.

- 9.1.2. Menjalin hubungan baik dengan komuniti dan rakan kerjasama.
- 9.1.3. Pembentangan akhir projek perlu dijalankan sekiranya perlu.

9.2. Pengurusan Kolej Kediaman

- 9.2.1. Menyediakan bimbingan dan sokongan kepada pelajar.
- 9.2.2. Memantau dan melaporkan keberkesanan projek.

LAMPIRAN

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

- SDG 1 : No Poverty (Tiada Kemiskinan)
- SDG 2 : Zero Hunger (Kelaparan Sifar)
- SDG 3 : Good Health and Well-Being (Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik)
- SDG 4 : Quality Education (Pendidikan Berkualiti)
- SDG 5 : Gender Equality (Kesamarataan Gender)
- SDG 6 : Clean Water and Sanitation (Kebersihan Air dan Sanitasi)
- SDG 7 : Affordable and Clean Energy (Tenaga yang Berpatutan dan Bersih)
- SDG 8 : Decent Work and Economic Growth (Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi)
- SDG 9 : Industry, Innovation and Infrastructure (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)
- SDG 10 : Reduced Inequalities (Mengurangkan Ketidaksamarataan)
- SDG 11 : Sustainable Cities and Communities (Bandar dan Komuniti Mampan)
- SDG 12 : Responsible Consumption and Production) (Penggunaan dan Penghasilan yang bertanggungjawab)
- SDG 13 : Climate Change (Tindakan Iklim)
- SDG 14 : Life Below Water (Kehidupan di dalam Air)
- SDG 15 : Life On Land (Kehidupan di atas Darat)
- SDG 16 : Peace, Justice and Strong Institutions (Kemanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh)
- SDG 17 : Partnerships for the Goals (Rakan Kerjasama untuk Matlamat)

LAMPIRAN A: Penarafan Bintang Jaringan Komuniti

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★ ★ ★ ★ ★	Penghakupayaan	Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran Kelestarian amalan inovasi Memperkasa amalan inovasi	Komuniti/peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan institusi yang dinilai
4 ★ ★ ★ ★	Perubahan Amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos	Komuniti/peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3 ★ ★ ★	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti	Komuniti/peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi *Bukti Pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain

GLOSARI MyRA® I & II (PINDAAN 2023)

Kemaskini: 22 November 2023

2 ★ ★	Sokongan dan Penglibatan	Komuniti membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti Hubungan strategik komuniti/ organisasi	Institusi yang dinilai melaksanakan program bersama komuniti/peserta
1 ★	Jalinan Hubungan	Komuniti bertanggapan positif terhadap institusi yang dinilai dan program tindakan komuniti	Pengukuhan hubungan institusi yang dinilai - komuniti/peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain-lain

